

Headline	Patuhi nasihat ketika melontar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	3	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	321 cm ²
Journalist	ZULKIFLEE BAKAR Melaporkan dari MEKAH,	AdValue	RM 6,344
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,033



JAMIL KHIR BAHAROM bertanya khabar dengan seorang pesakit ketika melawat Pusat Rawatan Tabung Haji Syisya, Mekah semalam sambil diiringi oleh Badruddin Amiruldin (tiga dari kanan).

Patuhi nasihat ketika melontar

MEKAH 13 Sept. - Jemaah haji Malaysia dinasihati supaya mematuhi segala nasihat dan disiplin yang ditetapkan oleh petugas Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) ketika melaksanakan ibadah melontar di Mina bermula semalam hingga Khamis ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, itu bertujuan memastikan kawalan keselamatan ke atas mereka dapat dilaksanakan.

"Ini selari dengan langkah kerajaan Arab Saudi yang dilihat begitu bersungguh-sungguh dalam memastikan keselamatan jemaah haji ketika melontar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Pusat Rawatan Tabung Haji Syisya di sini semalam dengan diiringi Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua



Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah dan Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji, Tan Sri Badruddin Amiruldin.

Beliau berkata, sebarang pelanggaran peraturan khususnya daripada segi lorong menuju ke tempat melontar boleh menyebabkan berlaku kejadian rempuhan.

"Oleh itu saya berharap jemaah haji Malaysia menjaga diri masing-masing sepanjang berada di Mina dan melontar mengikut jadual yang ditetapkan," katanya.

Sementara itu, beliau membe-

ritahu, seramai lima jemaah haji Malaysia tidak dapat melaksanakan wukuf di Arafah kerana berada dalam keadaan kritikal dan sedang dirawat di hospital Arab Saudi.

"Mereka terdiri daripada empat lelaki dan seorang perempuan dirawat kerana masalah sistem pernafasan dan pendarahan otak," katanya.

Berikutan keadaan itu, beliau memberi jaminan jika kesihatan mereka mengizinkan, kesemua jemaah itu akan diberi peluang untuk menunaikan ibadah haji tahun depan.

Selain itu katanya, jumlah jemaah haji Malaysia yang meninggal dunia meningkat kepada 10 orang apabila seorang lagi jemaah haji menghembus nafas terakhir di Muzdalifah semalam akibat serangan jantung.